

18/02/2003

PM ucap tahniah kepada Hafiz

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengucapkan tahniah kepada Muhammad Hafiz Hashim, yang berjaya menamatkan kemarau 37 tahun Malaysia apabila muncul juara perseorangan badminton All England di Birmingham, malam semalam.

"Alhamdulillah, saya bersyukur dan sesungguhnya amat gembira bahawa Hafiz, dia bukan saja boleh hafal, tapi boleh main badminton. Tahniah dan selamat maju jaya," kata Perdana Menteri selepas menyaksikan raptai penuh pembukaan Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-13 semalam.

'Hafiz' dalam bahasa Arab bererti "hafal" atau seseorang yang mengawasi sesuatu dengan jujur.

Perdana Menteri mengulas kejayaan Muhammad Hafiz, 20, sebagai juara perseorangan Badminton All England, selepas menundukkan juara bertahan dan pemain nombor satu dunia, Cheng Hong dari China.

Kejayaan Muhammad Hafiz menyusuli kehebatan Tan Aik Huang yang menewaskan pemain Jepun, H Akiyama pada 1966.

Kali terakhir Malaysia merayakan kejayaan All England adalah menerusi gandingan beregu adik beradik, Razif-Jalani Sidek pada 1982.

Sambil menyatakan Muhammad Hafiz bermain dengan baik dan cemerlang, Dr Mahathir meminta pihak tertentu tidak terlalu memanjakannya dengan memberi terlalu banyak ganjaran.

"Sekarang saya ingin meminta semua pihak agar tidak memanjakannya dan anda sudah melihat sebelum ini apa yang mereka lakukan kepada juara terdahulu, sebab anda memanjakan mereka.

"Saya harap negeri-negeri tidaklah beri tanah lima ekar, duit satu juta, lepas itu tak boleh main badminton. Dok nampak tanah, duit, tanah, duit, lima juta, tiga juta, satu bilion," katanya sambil menggayakan tangannya memukul bulu tangkis.

Pemain badminton negara sebelum ini pernah diberikan pelbagai insentif termasuk ganjaran tanah, rumah dan wang ringgit sebagai menghargai kejayaan mereka. Tetapi galakan berkenaan dikatakan melekakan pemain sehingga gagal menunjukkan prestasi lebih cemerlang.

Sementara itu, Penaung Persatuan Badminton Malaysia (BAM) Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali menyifatkan kejayaan Muhammad Hafiz sebagai 'kejutan yang mengagumkan.'

"Kemenangannya itu amat mengagumkan...amat mengejutkan. Tapi dia seorang pemuda yang penuh stamina. Saya amat berbangga dengannya kerana memenangi kejohanan itu selepas 37 tahun," katanya yang mengiringi Dr Mahathir ke

raptai berkenaan.

Sementara itu, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi turut mengucapkan tahniah kepada Muhammad Hafiz dan menyatakan kemenangan itu membuktikan bahawa kejayaan boleh dicapai jika seseorang itu tekun, berdedikasi, berdisiplin dan bersemangat Malaysia Boleh.

"Saya merasa amat gembira dengan kejayaan Muhammad Hafiz. Kemenangan beliau telah berjaya menjulang nama negara di persada badminton dunia.

Ia

membuktikan bahawa pasukan badminton negara mampu untuk bersinar kembali seperti di tahun-tahun 1950-an dan 1960-an," katanya dalam satu kenyataan

yang dikeluarkan di sini, semalam.

Timbalan Perdana Menteri juga berkata, kecemerlangan yang ditunjukkan Muhammad Hafiz perlu diteruskan bagi mencipta kemenangan seterusnya meletakkan Malaysia di tangga teratas kuasa besar badminton.